

FONOLOGI KATA PINJAMAN TAMIL DALAM BAHASA MELAYU BERDASARKAN TEORI OPTIMALITI

(The Phonology of Tamil Loanwords in Malay based on Optimality Theory)

Thamaraselvi a/p Krishnasamy
sri_thamarai91@yahoo.com

Sharifah Raihan Syed Jaafar
s_raihan@ukm.edu.my

Pusat Kelestarian Sains Bahasa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Thamaraselvi Krishnasamy & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2018). Fonologi Kata Pinjaman Tamil dalam Bahasa Melayu Berdasarkan Teori Optimaliti. *Jurnal Bahasa* 18(2), 343-362.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan perubahan fonologi kata pinjaman Tamil yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Kata pinjaman Tamil perlu menjalani perubahan fonologi demi untuk mematuhi sistem nahu bahasa Melayu. Oleh sebab bahasa Tamil dan bahasa Melayu mempunyai nahu yang berbeza, maka timbul persoalan, apakah perkataan bahasa Tamil yang telah dipinjam dan bagaimanakah perkataan Tamil tersebut menghasilkan bentuk yang baharu untuk disesuaikan dengan sistem bahasa Melayu? Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kata pinjaman Tamil yang mengalami perubahan fonologi apabila diserap masuk ke dalam bahasa Melayu, dan mengkategorikan serta menjelaskan secara teoretis jenis adaptasi yang berlaku berdasarkan perubahan fonologi kata pinjaman Tamil. Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada Noriah dan Selvarani (2015). Sejumlah 381 perkataan Tamil

telah dikenal pasti digunakan dalam bahasa Melayu. Hasil analisis tatatingkat kekangan dalam teori Optimaliti menunjukkan kata pinjaman Tamil dalam bahasa Melayu melibatkan perubahan pada peringkat struktur suku kata, iaitu degeminasi, pemendekan vokal dan pengguguran suku kata.

Kata kunci: bahasa Melayu, bahasa Tamil, kata pinjaman, fonologi, teori optimaliti

Abstract

This study intends to explain the phonological modifications of Tamil loanwords that have been absorbed into Malay language. Tamil loanwords have to undergo some phonological modifications in order to conform to the system of Malay grammar. The grammar differences between Tamil and Malay languages have given rise to the question of which Tamil words have been borrowed by Malay and how new words have been formed to comply with the Malay language system. Thus, this study was conducted to identify Tamil loanwords that have undergone phonological changes when they are incorporated into Malay language as well as to categorize and explain theoretically the type of adaptation that occurs based on the phonological changes of Tamil loanwords. This study utilizes secondary data obtained from Noriah and Selvarani (2015). A total of 381 words have been identified as Tamil loanwords that are used in Malay language. The results of the hierarchical constraint analysis in Optimality theory show that Tamil loanwords in Malay language involved modification at the syllable structure such as degemination, vowel shortening and syllable deletion.

Keywords: Malay, Tamil, loanwords, phonology, Optimality theory

PENDAHULUAN

Peminjaman kata merupakan fenomena bahasa yang berlaku akibat pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa bermaksud pertemuan antara dua atau lebih bahasa. Fenomena ini berlaku apabila terdapat dua atau lebih bahasa dituturkan dalam sesebuah komuniti bahasa atau masyarakat. bahasa Melayu (BM) telah banyak menerima pengaruh daripada unsur asing kerana pertembungan bahasa berlaku hasil daripada komunikasi dengan masyarakat dari luar. Hal ini memang tidak dapat dielakkan apabila

berlakunya aktiviti perdagangan, penyebaran agama, pendidikan, hubungan diplomatik, penghijrahan dan penjajahan.

Pengaruh daripada bahasa asing banyak memberikan kesan terhadap BM antaranya termasuklah bahasa Sanskrit, Arab, Portugis, Hindi, Cina, Belanda dan Parsi. Satu daripada bahasa yang turut memberikan sumbangan terhadap peningkatan khazanah kosa kata BM ialah bahasa Tamil (BT). BT salah satu bahasa Dravida yang dituturkan secara meluas di bahagian selatan benua kecil India, di Sri Lanka, kepulauan Indonesia seperti Jawa, Sumatera, Singapura dan tidak ketinggalan Malaysia. "... sebilangan (kata) yang dipinjamkan beberapa ketika dahulu masih kekal dalam perbendaharaan kata BM (Nathesan, 1996).

Menurut Za'ba (1965), kebanyakan kata pinjaman Tamil (KPT) merupakan cakap mulut yang digunakan dalam percakapan harian antara kedua-dua penutur tersebut, iaitu orang Melayu dan Tamil. Asmah (1975) pula, berpendapat bahawa kata yang dipinjam merupakan kata yang digunakan dalam kehidupan harian antara masyarakat Melayu dan Tamil, dan amalan penggunaannya menjadi faktor penting untuk mengintegrasikan kata-kata tersebut dalam struktur BM. Demikian juga menurut Abdullah dan Ainon (1994), faktor kejiranan dan persahabatan membawa masuk perkataan BT ke dalam BM. Namun begitu, persoalannya, apakah perkataan Tamil yang menerima sistem fonologi BM. Bagaimanakah perkataan yang dipinjam dapat menghasilkan bentuk yang baharu, yang berbeza daripada sistem fonologi bahasa Tamil? Banyak perkataan Tamil mempunyai konsonan berkembar atau juga dipanggil sebagai geminasi konsonan, iaitu konsonan yang sama hadir bersama. Dalam kajian Singaravelu (1992), isu konsonan berkembar dikatakan mengalami pengguguran apabila dipinjamkan ke dalam BM. Konsonan berkembar tersebut ialah /tt/ dan /pp/. Begitu juga dengan vokal panjang seperti /aa/ turut mengalami pengguguran. Fakta yang dinyatakan oleh Singaravelu (1992) adalah tidak lengkap kerana didapati semua konsonan (kecuali /r/ dan /ɻ/) dan semua lapan vokal (kecuali diftong /ai/ dan /au/) BT yang mengalami proses geminasi digugurkan apabila diserap masuk ke dalam BM. Hal ini kerana inventori fonem BM tidak membenarkan deretan konsonan dan vokal. Selain itu, kajian beliau juga tidak menjelaskan sebab sesuatu perubahan fonologi itu berlaku kerana kajian tersebut lebih bersifat deskriptif. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan tersebut dengan meneliti KPT dalam BM dari aspek fonologi.

KAJIAN LEPAS

Kajian KPT dalam BM dari aspek fonologi di lakukan oleh Asmah pada tahun 1975. Menurutnya, KPT mengalami perubahan fonemik apabila diserap masuk ke dalam BM untuk menyesuaikan dengan sistem nahu BM. Beliau mengkategorikan perubahan fonologi kepada kategori: (1) perubahan bunyi gelungan, (2) perubahan segmen, (3) pengguguran konsonan, dan vokal, serta (4) penggantian vokal. Data kajian ini diambil daripada sumber sekunder.

Asmah menjelaskan perubahan bunyi gelungan BT, iaitu /d/, /ŋ/, /ɹ/ dan /l/ mengalami perubahan seperti, bunyi /ŋ/ menjadi [n] dan [m] dalam BM, manakala bunyi /d/ menjadi [d] sementara bunyi /ɹ/ dan /l/ menjadi [l] dalam BM. Oleh sebab tidak ada fonem gelungan dalam BM, maka gelungan KPT digantikan dengan fonem yang berdekatan dengan kata asal tersebut seperti, /kaɖai/→ [kedai]. Di samping itu, Asmah juga menjelaskan perubahan tentang perubahan segmen bagi bunyi /k/ dalam BT menjadi [k] dan [g] dalam BM seperti, /kulam/→[kolam] dan /kooni/→[guni] serta perubahan segmen bagi bunyi /m/ dalam BT menjadi [m] dan [b] dalam BM. Contoh, /appam/→[apam] dan /maalar/→[balar]. Asmah juga membincangkan mengenai pengguguran konsonan dan vokal KPT. Vokal panjang KPT digugurkan menjadi vokal tunggal apabila diserap masuk ke dalam BM. Misalnya, /kuuli/→[kuli], /palaa/→[pala], /taali/→[tali] dan /miicai/→[misai]. Hal ini turut berlaku kepada deretan konsonan. Konsonan berganda berubah menjadi konsonan tunggal dalam BM seperti, /petti/→[peti] dan /amma/→[emak]. Vokal juga mengalami proses penggantian vokal apabila diserap masuk ke dalam BM. Vokal /a/ dalam BT digantikan kepada vokal [a], [ə] dan [u] dalam BM. Contohnya, /kaaval/→[kawal], /kaɖai/→[kəɖai] dan /karatu/→[kerutu]. Vokal /i/ dalam BT ditukar kepada [i] dan [ə] seperti, /kattil/→[katil] dan /ilai/→[həlai], manakala /o/ menjadi [u] dalam BM, misalnya, /koyil/→[kuil] dan /oolan/→[ulam]. Di samping itu, beliau juga menyentuh sedikit mengenai pengguguran suku kata. KPT yang mempunyai tiga suku kata digugurkan menjadi dua suku kata dalam BM seperti, /pu.ra.li/→[per.li], /ce.rup.pu/→[cer.pu] dan /cu.rut.tu/→[ce.rut].

Kajian Abdullah dan Ainon (1994) telah membincangkan kata pinjaman yang diserap masuk ke dalam BM secara umum. Menurutnya, BM meminjam unsur asing seperti, bunyi, sistem tulisan, perkataan, imbuhan, struktur ayat, dan peribahasa daripada bahasa asing. Kajian ini menggunakan data sekunder daripada pengkaji lepas, iaitu Wilkinson (1955). Menurut kenyataan Wilkinson (1955), BM telah meminjam kata pinjaman Arab (1115), Sanskrit

(677), Inggeris (488), Cina (279), Portugis (126), dan Tamil (64). Daripada 64 KPT, 36 kata berkaitan dengan manusia dan badan, 10 makanan, 11 kemahiran, 3 seni halus, 1 agama dan 2 ukuran.

Abdullah dan Ainon (1994) menyenaraikan beberapa KPT dalam BM secara umum tanpa menjelaskan pembentukan kata dan perubahan bunyi kata pinjaman tersebut. Antaranya termasuklah, apam, bedil, candi, gurindam, gerudi, jodoh, kari, kapal, katil, kuli, keldai, kawal, kedai, ketumbar, kolam, ladam, lebai, logam, dan mahligai. Seterusnya, menyentuh sedikit mengenai peminjaman diftong BT ke dalam BM. Menurutny, BM mempunyai tiga diftong, iaitu /ai/, /au/ dan /oi/. Ketiga-tiga diftong ini hanya hadir di hujung kata, seperti “ramai”, “kerbau” dan “baloi”. Namun begitu, kini perkataan BM mempunyai diftong di tengah dan di awal kata. Diftong tersebut merupakan kata pinjaman asing. Sehubungan itu, BT juga menyumbangkan diftong kepada BM, iaitu /ai/ di tengah kata seperti “tairu” dan “Taipusam”.

Nathesan (1996) pula meneliti KPT dalam BM dari aspek makna. Beliau mengkaji sama ada kata yang dipinjam itu mengekalkan makna seperti yang didukung oleh kata bahasa sumber atau berubah makna dalam proses pemindahan kata berkenaan dengan menggunakan pendekatan analisis komponensial. Data KPT yang disenaraikan dalam hasil kajian ini adalah daripada data sekunder yang dipetik daripada Winstedt (1914), Hamilton (1919), Wilkinson (1959) dan Za’ba (1965).

Beliau menyenaraikan 92 patah perkataan Tamil yang dipinjam ke dalam BM. Walau bagaimanapun, analisis data hanya dibataskan kepada 30 patah perkataan sahaja. Daripada 30 kata tersebut, hanya 10 kata pinjaman sahaja dianalisis maknanya dengan menggunakan kaedah analisis komponensial. Kebanyakan KPT dalam BM mengekalkan makna asalnya. Misalnya, perkataan “cerpu” dan “misai” dalam BM sebenarnya dipinjam dan disesuaikan daripada perkataan Tamil, iaitu “ceruppu” dan “miisai”.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dan bersifat deskriptif. Sumber kajian ini merupakan data yang diperolehi daripada kajian KPT oleh Noriah dan Selvarani (2015) yang mempunyai padanan ortografi kata asal BT. Kewajaran memilih senarai data KPT tersebut kerana kajian tersebut menyenaraikan daftar kata yang lebih lengkap dan terkini, iaitu sebanyak 530 patah perkataan yang digunakan dalam pertuturan dan penulisan BM.

Senarai KPT yang dibuat oleh Noriah dan Selvarani (2015) dikumpulkan daripada pelbagai sumber, iaitu kamus, kajian lepas dan bahan bacaan

daripada media cetak serta elektronik. Dalam kajian mereka sesuatu perkataan yang telah dianggap sebagai kata pinjaman bahasa Sanskrit juga diambil kira sebagai data sekiranya perkataan itu masih digunakan dalam BT. Menurut Noriah dan Selvarani (2015) aktiviti pinjam-meminjam perkataan antara BT dan Sanskrit tidak dapat dielakkan. BT pernah meminjam perkataan daripada bahasa Sanskrit, dan bahasa Sanskrit juga meminjam perkataan daripada BT.

Oleh sebab kajian ini memfokuskan KPT yang mengalami perubahan fonologi sahaja, maka perkataan yang mengalami perubahan fonologi sahaja diambil. Sebanyak 381 kata daripada sejumlah 530 patah kata mengalami perubahan fonologi, manakala sebanyak 28 kata sahaja yang mengekalkan bentuk asalnya. Hal ini membuktikan bahawa kebanyakan KPT yang diserap masuk ke dalam BM mengalami perubahan fonologi berbanding dengan kata yang mengekalkan bentuk asal, dan 121 kata telah dikenal pasti sebagai kata Sanskrit seperti, [*bakhti*], [*anugraham*], [*saatchi*], [*syurgalookam*], [*suuriyalookam*], [*intiriyam*], [*karumam*] dan sebagainya. Oleh itu, KPT yang tidak mengalami perubahan fonologi itu tidak digunakan sebagai data dalam kajian ini. Pemfokusan kajian berdasarkan kriteria tersebut memudahkan kerja penganalisan kata pinjaman BT ke dalam BM.

Perubahan fonologi yang dikenal pasti daripada data adalah seperti degeminasi, pemendekan vokal dan pengguguran suku kata. Proses fonologi yang berlaku ini melibatkan adaptasi pada peringkat struktur suku kata. Setiap proses fonologi akan mengandungi beberapa ciri perubahan yang berlainan. Selain itu, satu perkataan pinjaman BT berkemungkinan mempunyai satu atau lebih proses perubahan fonologi. Perkataan seperti itu dikelaskan kepada beberapa kategori mengikut pengubahsuaian fonologi yang dialaminya. Contoh KPT, /yoogaacanam/ → [yoga] mempunyai dua perubahan fonologi, iaitu pemendekan vokal dan pengguguran suku kata. Perkataan itu dikelaskan dalam kedua-dua proses perubahan fonologi tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Degeminasi

Sistem fonologi BM tidak menerima sebarang segmen panjang sama ada vokal panjang ataupun konsonan geminat. Suku kata dasar BM juga tidak boleh mengandungi rangkap konsonan sama ada pada posisi onsets mahupun koda (Zaharani & Teoh, 2006). Sehubungan itu, KPT yang mempunyai


konsonan geminat dan vokal panjang diatasi melalui proses degeminasi dan pemendekan vokal.

Apabila input KPT masuk ke dalam BM, output yang terhasil menunjukkan konsonan geminat atau konsonan berganda berubah menjadi konsonan tunggal sahaja. Hal ini demikian kerana struktur suku kata BM tidak membenarkan geminat dalam suku kata (Zaharani & Teoh, 2006). Dalam nahu BT, semua konsonan kecuali /r / dan /ɹ/ menjadi geminat. Proses geminat dalam perkataan BT hanya berlaku pada posisi tengah kata. Walaupun demikian, KPT yang mempunyai konsonan geminat digugurkan apabila diserap masuk ke dalam BM. Gejala konsonan geminat menjadi konsonan tunggal dinamakan sebagai proses degeminasi. Yang berikut merupakan data KPT yang mengalami proses degeminasi:

Jadual 1 Data konsonan degeminasi.

BT	BM
kappal	kapal
pittam	pitam
kattil	katil
muttu	mutu
uttamam	utama
nakkal	nakal


Ladefoged (1971) mendefinisikan konsonan geminat sebagai konsonan panjang. Beliau menggambarkan representasi konsonan geminat seperti Rajah 1:



Rajah 1 Representasi konsonan panjang/geminat.

Selain Ladefoged, McCarthy (1979) dan Leben (1980) menggunakan pendekatan autosegmental untuk menganalisis proses geminasi dan mendefinisikan geminat sebagai konsonan tunggal yang berkongsi dua slot seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Ketiga-tiga penahu, iaitu Ladefoged, McCarthy dan Leben melihat geminat itu sebagai segmen tunggal

yang berkongsi dua slot. Di samping itu, (Hayes, 1989 dan Bruce, 2001) juga membincangkan tentang hal yang membezakan konsonan geminat dan bukan geminat ialah mora. Konsonan geminat mempunyai mora, manakala konsonan bukan geminat tidak mempunyai mora. Yang berikut ialah struktur geminat tulen di tengah kata (Topintzi, 2008), iaitu mempunyai dua garis penghubung pada posisi tengah suku kata:



Rajah 2 Struktur representasi geminat tulen di tengah suku kata.

Topintzi (2008), melihat proses geminasi sebagai struktur suku kata apabila konsonan pertama menduduki posisi koda dan konsonan kedua pula menduduki posisi onset pada suku kata berikutnya. Berdasarkan pernyataan tersebut, kajian ini memberikan contoh dalam BT untuk perkataan “kappal”:


Berdasarkan Rajah 3, konsonan geminat merupakan salah satu ciri BT. Namun begitu, konsonan geminat tidak dibenarkan dalam nahu bahasa Melayu, maka strategi pengguguran digunakan dengan menggugurkan salah satu daripada konsonan geminat. Dengan cara ini, proses pengguguran mora berlaku di tengah kata sebagai satu cara mengatasi masalah konsonan geminat KPT. Seperti yang dibincangkan di atas, gejala konsonan geminat menjadi konsonan tunggal dinamakan sebagai proses degeminasi. Perilaku fonologi tersebut boleh dilihat menerusi diagram dalam Rajah 4.

Berdasarkan Rajah 4, perubahan yang berlaku apabila KPT diserap masuk ke dalam BM ialah pengguguran mora pada posisi koda suku kata. Apabila mora ini digugurkan, maka proses degeminasi berlaku dan meninggalkan konsonan /p/ yang terapung lalu berhubung terus dengan nodus suku kata dan terhasil output /kapal/.


Proses degeminasi yang berlaku dalam KPT ditangani dalam TO dengan kekangan yang boleh menghalang kewujudan geminat, iaitu *GEM yang didefinisikan seperti di bawah:

***GEM** (Holt, 1997)

Tiada konsonan panjang



Rajah 3 Struktur geminat tulen di tengah suku kata.



Rajah 4 Struktur penguguran mora.

Proses geminat boleh dihalang melalui kekangan tersebut. Namun begitu, pematuhan pada sesuatu kekangan dalam TO akan melibatkan pengingkar pada kekangan yang lain. Dalam hal ini, bagi memastikan kekangan *GEM dipatuhi, maka berlaku pengingkar pada kekangan MAKS-IO yang didefinisikan secara formal seperti yang berikut:

MAKS-IO

Setiap segmen dalam input semestinya mempunyai koresponden dalam output (pengguguran segmen tidak dibenarkan).

Yang berikut ditunjukkan analisis tablo bagi interaksi kedua-dua kekangan yang dibincangkan di atas, iaitu *GEM dan MAKS-IO.

*GEM >> MAKS-IO

/kappal/	*GEM	MAKS-IO
a. kappal	*!	
b. [☞] kapal		*

Kekangan *GEM dan MAKS-IO perlu diatur secara dominasi kerana kedua-duanya berkonflik antara satu sama lain. Kekangan *GEM yang lebih dominan harus mendominasi kekangan MAKS-IO bagi memastikan calon degeminasi muncul sebagai calon optimal.


Selain itu, strategi yang boleh dilakukan untuk mengatasi gejala konsonan geminat adalah dengan menyisipkan vokal di antara konsonan geminat. Dengan cara ini, satu calon yang munasabah yang perlu dipertimbangkan ialah *[kapapal]. Namun begitu, menurut Goldsmith (1990), penyisipan di antara konsonan geminat tidak dibenarkan kerana geminat bukan merupakan dua konsonan yang dihubungkan dengan dua slot K. Sebaliknya, konsonan geminat merupakan konsonan yang mempunyai kepanjangan dan tidak boleh dipisahkan. Kekangan yang mengawal penyisipan harus diperkenalkan dalam analisis ini bagi memastikan calon optimal sebenar, iaitu [kapal] muncul sebagai pemenang. Kekangan DEP-IO merupakan kekangan yang mengawal penyisipan seperti yang didefinisikan di bawah:

DEP-IO (McCarthy dan Prince, 1995)

Setiap segmen output mesti mempunyai koresponden dalam input (penyisipan tidak dibenarkan).

Penyisipan vokal untuk memisahkan konsonan geminat telah menyebabkan calon *[kapapal] mengingkari kekangan yang lebih tinggi, iaitu DEP-IO seperti tablo yang berikut.

*GEM >> DEP-IO >> MAKS-IO

/kappal/	*GEM	DEP-IO	MAKS-IO
a. kappal	*!		
b.  kapal			*
c. kapapal		*!	

Berdasarkan tablo di atas, calon (a) ditolak sebagai calon optimal kerana mengingkari kekangan yang paling tinggi, iaitu *GEM. Pengingkaran kekangan ini berlaku apabila konsonan geminat hadir kerana kekangan ini tidak membenarkan konsonan rangkap pada peringkat output. Calon (c) pula, membenarkan penyisipan vokal /a/ di antara konsonan geminat maka calon ini mengingkari kekangan DEP-IO kerana kekangan ini tidak membenarkan penyisipan. Sementara itu, calon (b) mematuhi kekangan *GEM dan DEP-IO kerana tidak membenarkan konsonan geminat dan penyisipan. Namun begitu, calon ini mengingkari kekangan MAKS-IO kerana berlakunya pengguguran segmen [p] seperti ditunjukkan dalam tablo di atas. Pengingkaran pada kekangan MAKS-IO oleh calon (b) walau bagaimanapun tidak signifikan kerana calon (a) dan (c) telah pun tersingkir lebih awal. Oleh sebab itu, calon (b) muncul sebagai calon optimal.

Selain calon di atas, penjana masih boleh menjana calon lain yang mungkin dapat menangani fenomena geminat dalam KPT ini. Calon munasabah yang boleh wujud ialah *[ka.pə]. Calon ini munasabah kerana BM tidak membenarkan konsonan geminat, maka konsonan geminat digugurkan, dan vokal /a/ pada suku kata akhir boleh mengalami reduksi vokal, iaitu [ə]). Reduksi vokal didefinisikan sebagai satu proses yang melemahkan vokal rendah /a/ yang berada pada posisi akhir kata menjadi vokal *schwa* [ə]. Berdasarkan kenyataan beliau, reduksi vokal tidak berlaku pada tahap representasi fonemik atau ejaan tetapi berlaku pada tahap representasi fonetik atau sebutan sahaja. Proses reduksi vokal merupakan salah satu proses yang lazim berlaku dalam kosa kata BM. Contoh yang diberikan oleh beliau ialah /duga/→[dugə], /kaja/→[kajə] dan /mula/→[mulə].

Namun begitu, calon *[ka.pə] ini bukan merupakan calon optimal yang sebenar. Maka, satu kekangan harus diperkenalkan dalam analisis bagi menewaskan calon tersebut. Oleh sebab calon tersebut mengalami perubahan fitur, iaitu mengubah vokal /a/ menjadi [ə], maka kekangan IDENT-IO adalah relevan dalam analisis ini.

IDENT-IO (McCarthy dan Prince, 1995)

Perubahan fitur tidak dibenarkan

Kekangan IDENT-IO harus ditatatingkatkan lebih tinggi daripada kekangan MAKS-IO bagi memastikan calon optimal menang dalam pertandingan ini. Fenomena ini dapat direpresentasi seperti dalam tablo berikut:

*GEM >> DEP-IO >> IDENT-IO >> MAKS-IO


/kappal/	*GEM	DEP-IO	IDENT-IO	MAKS-IO
a. kappal	*!			
b. ɛ kapal				*
c. kapapal		*!		
d. ka.pə			*!	**

Tablo menunjukkan calon (b) menjadi calon optimal dalam susunan tatatingkat ini. Calon (a) mengingkari kekangan yang paling tinggi, iaitu *GEM. Calon (c) dan (d) pula mematuhi kekangan *GEM, tetapi calon (c) mengingkari DEP-IO lebih tinggi dan calon (d) mengingkari kekangan IDENT-IO lebih tinggi turut mengingkari MAKS-IO kerana menggugurkan dua segmen. Secara keseluruhannya, calon (b) dipilih sebagai pemenang kerana mematuhi kekangan yang berada pada kedudukan tinggi dan hanya mengingkari kekangan pada kedudukan rendah, iaitu MAKS-IO pada tahap minimal. Tatatingkat kekangan bagi perubahan ini ialah: *GEM >> DEP-IO >> IDENT-IO >> MAKS-IO.

Pemendekan vokal

Proses perubahan vokal panjang kepada vokal tunggal dinamakan sebagai proses pemendekan vokal. Dalam proses ini, vokal panjang yang berkongsi dua slot menjadi vokal tunggal seperti rajah di bawah:

a. Vokal Panjang [VV]



b. Vokal tunggal [V]




Rajah 5 Representasi vokal panjang dan vokal tunggal.

Vokal panjang memainkan peranan penting dalam BT. Unsur kepanjangan vokal penting dalam BT untuk memberikan makna bagi sesuatu kata dengan betul. Sebagai contoh, perkataan pal bermaksud “gigi” manakala pa:l pula membawa maksud “susu”. Yang berikut merupakan contoh data KPT yang mengalami proses pemendekan vokal apabila diserap masuk ke dalam BM:

Jadual 2 Data pemendekan vokal.

BT	BM
kuuꞤi	kuli
naamam	nama
piiꞤi	pili
ruupam	rupa
seenapaꞤi	senapati
kaaꞤam	kala
Ꞥaagam	ragam

Kebanyakan bahasa mempunyai vokal panjang seperti bahasa Arab, Thailand, Jepun, Jerman, Belanda dan Fiji. Vokal panjang memainkan peranan penting dalam membezakan makna bagi sesuatu kata dalam bahasa tersebut. Namun begitu, BM tidak memiliki unsur kepanjangan. Jika mana-mana bunyi dalam kata dipanjangkan, bunyi berkenaan tidak akan membawa sebarang perubahan makna kata tersebut. Sehubungan itu, KPT yang mempunyai vokal panjang digugurkan apabila diserap masuk ke dalam BM. KPT yang mempunyai vokal panjang akan dipendekkan melalui strategi pengguguran seperti Rajah 6. Rajah 6 menunjukkan bahawa segmen



Rajah 6 Proses pengguguran mora vokal panjang.

vokal panjang dihubungkan dengan dua mora. Apabila salah satu mora itu digugurkan, akan menyebabkan berlakunya kependekan vokal.

Kekangan yang memainkan peranan dalam fenomena pemendekan vokal ialah *V-PANJANG yang didefinisikan seperti yang berikut:

*V-PANJANG (Rosenthal, 1994; Burzio, 1994; Benua, 1996)

Vokal panjang tidak dibenarkan.

Pematuhan kepada kekangan *V-PANJANG melibatkan pengingkaran kekangan MAKS-IO. Kekangan *V-PANJANG perlu ditatatingkatkan lebih tinggi daripada MAKS-IO bagi memastikan calon optimal, iaitu calon (b) menjadi pemenang. Yang berikut merupakan analisis tablo bagi proses pemendekan vokal:

*V-PANJANG >> MAKS-IO

/kuuʎi/	*V-PANJANG	MAKS-IO
a. kuuʎi	*!	
b. kuli		*

Selain menggugurkan mora, terdapat cara lain yang boleh digunakan untuk menangani vokal panjang dalam KPT ini. Salah satu caranya adalah dengan menyisipkan hentian glotis di antara vokal panjang tersebut untuk memisahkan vokal panjang seperti, *[kuʎuli]. Namun begitu, vokal panjang bukanlah merupakan vokal yang dihubungkan dengan dua slot V. Sebaliknya, vokal panjang merupakan vokal yang mempunyai kepanjangan dan tidak boleh dipisahkan. Dengan cara ini, calon ini boleh mengingkari kekangan DEP-IO seperti tablo di bawah:

*V-PANJANG >> DEP-IO >> MAKS-IO

/kuuʎi/	*V-PANJANG	DEP-IO	MAKS-IO
a. kuuʎi	*!		
b. ^h kuli			*
c. kuʎuli		*!	

Dalam tablo di atas, calon (a) terkeluar lebih awal daripada pertandingan ini kerana mengingkari kekangan yang paling tinggi, iaitu *V-PANJANG. Calon (c) pula menunjukkan kehadiran penyisipan glotis [ʎ] yang digunakan

sebagai salah satu strategi bagi memisahkan vokal panjang. Namun begitu, penyisipan ini mengingkari kekangan DEP-IO yang melarang penyisipan pada peringkat output. Begitu juga dengan calon (b) yang menggunakan strategi pengguguran dengan tujuan untuk mematuhi sistem fonologi BM. Hal ini kerana nahu BM tidak membenarkan vokal panjang maka pengguguran diperlukan bagi proses adaptasi KPT ke dalam BM. Walau bagaimanapun pengingkaran calon (b) adalah pada tahap minimal daripada calon-calon lain. Dengan cara ini calon (b) diisytihar sebagai calon optimal dalam pertandingan ini. Maka, hierarki kekangan bagi proses pemendekan ini ialah *V-PANJANG >> DEP-IO >> MAKS-IO.

Fenomena pemendekan vokal kelihatan sama seperti fenomena degeminasi apabila segmen yang panjang dipendekkan. Dalam proses degeminasi, konsonan geminat menjadi konsonan tunggal melalui strategi pengguguran. Hal yang sama berlaku kepada proses pemendekan vokal apabila vokal panjang digugurkan menjadi vokal tunggal.

Pengguguran Suku Kata

Menurut Christdas (1998), suku kata dasar BT adalah seperti KV (ka.vi) V (a.nil), KVK (pal), VK (un.mai), KVKK (u.yart.tu) dan VKK (ond.ru). BT tidak membenarkan onset kompleks tetapi membenarkan koda kompleks. Hal ini berbeza dengan struktur suku kata dasar BM. Kajian yang dilakukan oleh Zaharani dan Teoh (2006) menegaskan bahawa pola suku kata dasar BM adalah daripada Jenis IV (Clements & Keyser,1985), iaitu (K)V(K) yang menghasilkan permutasi KV (pa.lu), KVK (pan.tun), V (i.tu) dan VK (in.dah).


Kajian ini mendapati bahawa KPT yang dipinjam oleh BM tidak mempunyai onset kompleks dan koda kompleks. Sebaliknya mempunyai lebih daripada dua suku kata. BM ialah bahasa bersuku kata dua (Yunus, 1980; Zaharani dan Teoh, 2006), manakala BT merupakan bahasa yang mempunyai lebih daripada dua suku kata. Oleh itu, strategi pengguguran suku kata digunakan dalam bahasa Melayu bagi mengatasi masalah ini.

Pengguguran suku kata pada bahagian ini bermaksud input yang mengandungi lebih daripada dua suku kata misalnya, input /taa.ni.yam/ yang berpola suku kata KVKVKVK KPT menjadi [ta.ni] berpola KVKV dalam BM. Daripada hasil tinjauan terhadap data didapati bahawa KPT mengalami pengguguran suku kata, iaitu suku kata lebih daripada dua menjadi dua suku kata apabila berlaku proses meminjaman. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa BM adalah bersifat disilabik.

Jadual 3 Data pengguguran suku kata.

BT	BM
taa.ni.jam	ta.ni
kaç.puu.çam	ka.pur
si.lum.pu.taç	si.lu
yoo.gaa.sa.nam	yo.ga
man.çaa.çam	man.dam

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, KPT yang mempunyai suku kata lebih daripada dua digugurkan apabila diserap masuk ke dalam BM. Representasi pengguguran ditunjukkan dalam Rajah 7.




Rajah 7 Representasi fenomena pengguguran suku kata.

Strategi pengguguran digunakan oleh BM bagi mengurangkan suku kata menjadi dua, terutamanya suku kata yang mempunyai konsonan geminat dan vokal panjang serta suku kata akhir. Kecenderungan menjadikan perkataan yang mengandungi lebih daripada tiga suku kata kepada dua suku kata biasanya dikawal oleh kekangan kata minimal iaitu, $KtPr=KD-\sigma$ yang didefinisikan seperti yang berikut:

KtPr=KD-σ

Satu kata prosodik hendaklah mempunyai dua suku kata di bawah analisis suku kata.



Rajah 8 Diagram KtPr=KD-σ.

Yang berikut merupakan analisis TO pengguguran suku kata dengan menggunakan kekangan KtPr=KD-σ . Menurut analisis suku kata, kekangan ini mensyaratkan satu kata prosodi hendaklah mempunyai dua suku kata. Fenomena pengguguran melibatkan kekangan MAKS-IO. Analisis tablo adalah seperti yang berikut:

KtPr=KD-σ >> MAKS-IO

/taanijam/	KtPr=KD-σ	MAKS-IO
a. taa.ni.jam	*!	
b. ta.ni		****

Tablo di atas menunjukkan calon (a) telah mengingkari kekangan yang tertinggi, iaitu KtPr=KD-σ kerana calon tersebut mengekalkan tiga suku kata pada peringkat output. Calon (b) pula mengingkari MAKS-IO kerana menggugurkan empat segmen. Peningkaran MAKS-IO, walau bagaimanapun adalah minimal kerana kedudukannya berada pada tingkat paling rendah. Oleh itu, calon (b) diisytiharkan sebagai calon optimal dalam pertandingan tersebut.

Oleh sebab input terdiri daripada vokal panjang maka calon *[tananijam] dan *[tanijam] adalah munasabah bagi analisis ini. Hal ini kerana bagi mengatasi masalah vokal panjang, strategi penyisipan dan pengguguran boleh dilakukan. Calon *[tananijam] mengalami penyisipan konsonan di antara vokal panjang, manakala calon *[tanijam] mengalami pengguguran vokal panjang. Selain itu, calon *[ta.nə] juga munasabah bagi analisis ini kerana mempunyai dua suku kata seperti disyaratkan dalam nahu bahasa Melayu. Analisis tablo adalah seperti yang berikut:

KtPr=KD-σ >> DEP-IO >> IDENT-IO >> MAKS-IO

/taanijam/	KtPr=KD-σ	DEP-IO	IDENT-IO	MAKS-IO
a. taa.ni.jam	*!			
b. ta.ni				****
c. ta.na.ni.jam	*!	*		
d. ta.nə			*!	****
e. ta.ni.jam	*!			*

Calon (a), (c) dan (e) menunjukkan bahawa bentuk yang mempunyai lebih daripada dua suku kata mengingkari kekangan tinggi KtPr=KD-σ dan tersingkir. Calon (d) mematuhi KtPr=KD-σ tetapi mengingkari kekangan IDENT-IO kerana membenarkan perubahan fitur /a/ kepada [ə]. Calon yang mengingkari kekangan yang rendah ialah calon (b) yang melakukan pengguguran. Pengguguran ini mengingkari kekangan MAKS-IO, namun calon (b) dipilih sebagai calon optimal kerana calon ini mengingkari kekangan MAKS-IO pada hierarki kekangan yang rendah. Fenomena pengguguran suku kata dalam KPT membariskan kekangan seperti, KtPr=KD-σ >> DEP-IO >> IDENT-IO >> MAKS-IO.

Daripada perbincangan di atas didapati peminjaman yang melibatkan perubahan pada struktur suku kata telah melalui tiga strategi adaptasi fonologi, iaitu degeminasi, pemendekan vokal dan pengguguran suku kata, Kesemua proses adaptasi ini dapat diringkaskan dalam Jadual 4:

Jadual 4 Perubahan pada peringkat struktur suku kata.

Proses adaptasi	BT	BM	Perubahan yang berlaku
Degeminasi	kuppi	kupi	[pp]→[p]
	autta	auta	[tt]→[t]
	manikkam	manikam	[kk]→[k]
Pemendekan vokal	naamam	nama	[aa]→[a]
	niilam	nila	[ii]→[i]
	ruupam	rupa	[uu]→[u]
Pengguguran suku kata	kar.puu.ram	ka.pur	kar.puu.ram
	taam.paa.lam	ta.lam	taam.paa.lam
	yoo.gaa.sa.nam	yo.ga	yoo.gaa.sa.nam

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, interaksi antara masyarakat Tamil di Tanah Melayu telah menyebarkan perkataan Tamil diserap masuk ke dalam BM kerana berlaku pertembungan bahasa hasil daripada komunikasi dengan masyarakat Tamil. KPT yang diserap masuk ke dalam BM disesuaikan dengan sistem fonologi BM. Hasil analisis menunjukkan peminjaman perkataan Tamil ke dalam bahasa Melayu menyebabkan perubahan pada peringkat struktur suku kata. Peminjaman yang melibatkan perubahan pada struktur suku kata telah melalui tiga strategi adaptasi fonologi, iaitu degeminasi, pemendekan vokal dan pengguguran suku kata.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Muhammad. (1994). *Bahasa Melayu untuk maktab perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Asmah Haji Omar. (1975). The nature of Tamil loanwords in Malay. In *Essays on Malaysian linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benua, L. (1996). Identity effects in morphological truncation. In Beckman, L. L., Dickey & Urbanczyk. S (Eds.). *Papers in Optimality Theory* 18-77. UMOF.
- Bruce, M. (2001). *Distinctiveness, coercion, and sonority: A unified theory of weight*. New York: Routledge.
- Burzio, L. (1994). *Principles of English stress*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Christdas, P. (1988). The phonology and morphology of Tamil. (Disertasi PhD tidak diterbitkan). Cornell University.
- Clements, G. N. & Jay Keyser, S. (1983). *CV phonology: A generative theory of the syllable*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Goldsmith, J. (1990). *Autosegmental and metrical phonology*. Oxford: Basil Blackwell.
- Hamilton. A. W. (1919). Hindustani, Tamil, Sanskrit and other loan-words. Malay. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 80, 29-38.
- Hayes, B. (1989). Compensatory lengthening in moraic phonology. *Linguistic Inquiry* 20, 253-306.
- Holt, D. E. (1997). The role of the listener in the historical phonology of Spanish and Portuguese: An optimality theoretic account. (Disertasi PhD tidak diterbitkan ROA-278). Georgetown University.
- Ladefoged, P. (1971). *Preliminaries to linguistic phonetics*. Chicago: The University of Chicago Press.

- Leben, W. (1980). A metrical analysis of length. *Linguistic Inquiry* 11, 497-509.
- McCarthy, J. (1979). Formal problems in semitic phonology and morphology. (Unpublished Disertasi Ph.D). Cambridge MIT : Massachusetts.
- McCarthy, J. J. & Prince, A. M. (1995). Faithfulness and reduplicative identity. In Beckman, J., Dickey, W., & Urbanczyk, S. (Eds.), *Occasional Papers in Linguistics*. University of Massachusetts: GLSA Publications.
- Nathesan, S. (1996). Kata pinjaman Tamil dalam bahasa Melayu: Satu kajian makna. *Jurnal Dewan Bahasa* 40(12), 1112-1126.
- Noriah Mohamed dan Selvarani Subramaniam. (2015). *Kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosenthal, S. (1994). Vowel/glide alternation in a theory of constraint interaction. (Disertasi Dr. Fal tidak diterbitkan). Amherst: University of Massachusetts.
- Topintzi, N. 2008. On the existence of moraic onsets. *Natural Language and Linguistic Theory* 26, 147-184.
- Wilkinson, R. J. (1959). *A Malay English dictionary*. London: Macmillan.
- Winstedt, R. O., 1914. *A Malay grammar*. Oxford: Clarendon Press.
- Yunus, Marris. (1980). *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Za'ba., 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong. (2006). *Fonologi autosegmental penerapannya dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (received): 17 Julai 2018

Diterima (accepted): 28 September 2018